

Pelaksana EIA kena teliti elak bencana

Tanah runtuh, pencemaran angkara manusia boleh dihalang: PM

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pihak yang membuat laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) supaya melaksanakannya dengan teliti dan mengambil kira semua faktor berkaitan.

Perdana Menteri berkata, wujud banyak isu berkaitan alam sekitar yang timbul berikutan perbuatan manusia yang merosakkan alam sekeliling sehingga berlaku kejadian tebing bukit runtuh dan pencemaran sungai.

"Hari ini, perbuatan seperti membuang sampah ke dalam sungai dan menaruh bukit sehingga menyebabkan tebing runtuh sudah menjadi masalah besar.

"Ini berlaku kerana perbuatan manusia. Merosakkan alam sekitar mesti dihapuskan," katanya pada sidang

media selepas melancarkan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Sebagai contoh, katanya, sebarang projek pembangunan sama ada perumahan atau pembinaan kilang mesti dibuat tidak terlalu dekat dengan tebing sungai supaya ada ka-

“Membuang sampah ke dalam sungai dan menaruh bukit sehingga menyebabkan tebing runtuh sudah menjadi masalah besar**”**

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

wasan rizab sungai.

Beliau juga berkata, kawasan pembangunan yang dipecahkan kepada kurang daripada 50 hektar juga mesti mempunyai laporan EIA jika pembangunan sekitar kawasan berkenaan dibangunkan oleh pemaju sama.

"Ada kawasan perumahan yang dipecahkan kepada kelompok yang kecil, dengan itu tidak perlukan laporan EIA. Tetapi semua ini bersambung jadi kawasan besar yang dimajukan kontraktor sama.

"Maka EIA bagi keseluruhan kawasan ini masih diperlukan supaya tidak membawa kerosakan," katanya sambil menjelaskan kerajaan mahu laporan EIA supaya tidak mengambil masa terlalu lama kerana ia boleh menyukarkan pelbagai pihak.

Katanya, syarikat yang mengkehendaki laporan EIA dibuat bukan untuk menyusahkan tetapi memban-

tan pemaju.

Abdullah juga berkata, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, sedang meneliti akta berkaitan alam sekitar untuk pindaan supaya ia dapat dipercepatkan pada masa depan.

Mengenai masalah kekurangan bekalan gula yang dilaporkan berlaku di beberapa tempat di negara ini, Perdana Menteri berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengambil tindakan mengenai perkara itu.

Katanya, perkara itu dipantau jawatankuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan berharap tindakan segera dapat dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah itu.

Beliau bagaimanapun berkata, sehingga ini kerajaan tiada menerima sebarang permohonan menaikkan harga barang kawalan itu.